

# Bendahari IPTA timba ilmu di NTU Singapura

UB 27.2.2014 A2

KOTA KINABALU: Ahli Mesyuarat Bendahari-Bendahari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengadakan lawatan ke Nanyang Technological

University (NTU), Singapura baru-baru ini.

Lawatan itu yang diketuai oleh Bendahari Universiti Malaysia Sabah (UMS) merangkap Pengerusi Mesyuarat Bendahari-Bendahari IPTA, Hj Rizal Othman dengan disertai oleh bendahari IPTA seluruh negara.

Rizal ketika dihubungi berkata, lawatan itu antara lain bertujuan mendapatkan maklumat dalam pelaksanaan aktiviti penjana pendapatan di NTU seperti kutipan

yuran, pelaburan, sewaan dan endowmen di samping mengetahui usaha-usaha pengkomersilan yang dijalankan di universiti itu.

Selain itu, ia bagi mendapatkan maklumat berhubung program kelestarian kewangan yang dijalankan di NTU.

Beliau turut menyuarakan harapan agar lebih banyak kerjasama antara IPTA negara dan NTU Singapura terutamanya dalam hal ehwal kewangan.



**RIZAL (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Er Meng Hwa (kanan).**